

TARIKH: 2 MEI 2022

SURAT KHABAR: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT: 2

# Pakej tarik pekerja tempatan

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan akan memperkenalkan mekanisme baharu bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing bagi memberi keutamaan kepada pekerja tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengakui, pembukaan semula sempadan memberi ruang kepada pengambilan semula tenaga kerja asing dalam sektor-sektor tertentu terutamanya sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Namun, menurut beliau, tindakan tersebut bukanlah hasrat kerajaan untuk membelakangkan pekerja tempatan.

"Satu mekanisme komprehensif akan dirangka untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing supaya warga tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu.

"Kementerian Sumber Manusia meneliti dan mengkaji aspek ini agar pekerja tempatan mendapat manfaat dengan menambah baik kadar gaji, pakej pekerjaan dan kemajuan kerjaya," katanya dalam ucapannya sempena Hari Pekerja 2022 semalam.

Dalam ucapan tersebut, Perdana Menteri turut men-

gumumkan empat inisiatif baharu sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan pekerja dalam menjana kemajuan negara bermula 1 Mei 2022.

Antaranya meletakkan sasaran sejuta yang bekerja sendiri dilindungi insurans di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menerusi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri dengan 80 peratus ditanggung kerajaan daripada jumlah perlu dicarum individu terabit.

Kerajaan mewajibkan penyediaan taska di setiap sektor awam persekutuan, kerajaan negeri dan badan berkanun sebelum diperlukan ke sektor swasta.

Selain itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan turut memperkenalkan Program Pembiayaan Insurans Kenderaan Keluarga Malaysia, MyEzCover.com mulai semalam iaitu pakej pembayaran secara ansuran sehingga 10 bulan tanpa caj faedah, ditawarkan kepada penjawat awam sebelum diperluaskan kepada sektor swasta.

Katanya, kerajaan yakin warga pekerja Keluarga Malaysia akan kekal berdaya tahan dan terus menjadi rakan strategik dalam membangunkan ekonomi negara.